
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMK 321 – Puisi Melayu Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukan 25 markah.

...2/-

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Bincangkan peranan dan sumbangan penyair wanita dalam perkembangan puisi Melayu Moden sejak tahun 1930-an hingga 1970-an.
(25 markah)

2. “Seorang seniman bukan saja memperjuangkan kemerdekaan bangsa dan tanahairnya – jika bangsa dan tanahairnya masih dijajah – tetapi juga memperjuangkan persaudaraan antara manusia dengan manusia, antara bangsa dengan bangsa, dengan tidak mengira faham politiknya, kepercayaannya, bangsanya dan warna kulitnya. Kesenian harus membawa manusia ke arah yang baik. Keburukan dalam jiwa manusia dan keburukan dalam masyarakat harus dilenyapkan”.
Dinsman & Sutung Omar R.S (Penyelenggara),
Sikap Dan Pemikiran Usman Awang, Petaling Jaya,
Fajar Bakti, 1983, hal.9.
Dengan merujuk kepada sajak ‘*Bunga Popi*’ karya Usman Awang kaitkan pernyataan di atas dengan ketepatan mesej sajak tersebut. (Lampiran A).
(25 markah)

3. Berdasarkan sajak ‘*Lapangan Ya-Ya-Ya*’ dan sajak ‘*Tan Sri Bulan*’ karya A. Ghafar Ibrahim jelaskan keakraban hubungan diri penyair dengan alam dan sejauh manakah keberkesanan penyair menyampaikan amanatnya menerusi sajak-sajak tersebut (Lampiran B).
(25 markah)

4. Baca sajak ‘*Kuuuuuuuttt Semangat*’ hasil karya Siti Zainol Ismail dan buat satu analisis kritis terhadap sajak ini dari sudut isi, bentuk dan tekniknya (Lampiran C).
(25 markah)

5. Dengan merujuk kepada sajak ‘*Sidang Ruh*’ dan sajak ‘*Matahari*’ karya Kassim Ahmad bandingkan persoalan dan amanat yang hendak disampaikan oleh penyair kepada pembaca (Lampiran D).
(25 markah)

6. Bincangkan isi sajak ‘*Angan-Angan Dengan Gurindam*’ karya Omar Mustaffa dan sajak ‘*Bangkitlah*’ karya Rejab F.I, dan jelaskan keistimewaan kedua-dua sajak ini (Lampiran E).
(25 markah)

- 000 O 000 -

...3/-

Bunga Popi
USMAN AWANG

Dari darah, dari nanah yang punah di tanah,
rangka manusia kehilangan nyawa disambar senjata,
hasil manusia gila perang membunuh mesra,
bunga merah berkembang indah minta disembah.

Yang hidup tinggal sisa nyawa, penuh derita,
kering, bongkok, cacat, tempang dan buta,
perang dalam kenangan penuh kengerian,
sekarang dalam kepahitan, dalam kesepian.

Yang lain kehilangan anak, suami dan kekasih,
hilang pergantungan, hilang pencarian, hidup kebuluran,
ribuan janda, ribuan kecewa, ribuan sengsara,
jutaan anak-anak yatim hidup meminta-minta.

Manusia gila perang telah membunuh segala mesra!
perang berlangsung mencari untung tanah jajahan!
perang berlangsung membunuh anak dalam buaian!
perang berlangsung menghancurkan lebur nilai kebudayaan!

Bunga popi bunga mayat perajurit bergelimpangan,
bunga darah merah menyimbah, penuh kengerian,
kami benci pada perang penuh pembunuhan!
kami rindu pada damai sepanjang zaman!

Utusan Zaman, 6 November 1955

- ooo O ooo -

...4/-

A.Ghafar Ibrahim

Lampiran B

Lapangan Ya-Ya-Ya

Lapangan Ya-Ya-Ya
 jam ini aku menjadi burung-rung-rung-rung
 jam ini aku menjadi ikan-kan-kan-kan
 berterbang-terbangan + berenang-renangan

Lapangan Ya-Ya-Ya
 lapangan ketawa
 ha-ha-ha
 lapangan selera
 heh-heh-heh
 lapangan terbuka.

Tapi, kau tentu mengeleng-leng-leng-leng
 asap rokokmu terus menjeling-ling-ling-ling
 ini u-u-u-Utopia
 jadi, kita cari seada-adanya
 di lapangan Ya-Ya-Ya.

Kuala Lumpur, 1969.

TAN SRI BULAN

Tan Sri Bulan di angkasa lepas
 bak burung
 dengan kepak mengembang rancak
 dengan benang ingin bersenang
 kepak kompak benang tegang
 menyentak-nyentak berenang-renang
 baju nipis dengung garang
 menepis-nepis mengerang girang
 ang-ngang-ngang-ngang
 aung-ung-ung-ung
 nnngggggggg
 Tan Sri Bulan di angkasa lepas
 bak burung
 berenang bebas.

Beranang, 1971.

...5/-

Siti Zainol Ismail

Kuuuuuuuttt Semangat

Apa yang tinggal lagi – jasad kosong, kala semangat terbang roh melayang,
 kau terpinga berdiri di lorong mana bayang meranti tidak kau kenali lagi,
 ke mana hilangnya pelangi dalam gerimis senja jalan semakin jauh menuruni
 lembah menyelurusi bekas jalan semakin jalan setapak dan jejak yang semakin pudar ...
 “Jagalah dirimu” demikian pesan dinihari menjawab salam hari jadi,
 Sedoa buat Shakhubandi demi hari kelahiran putera di kota Bakti,
 sudah setengah abad luka deritamu masih kauwariskan kepada perempuan –
 terimalah doa daripada menantu, masih kauingat dia datang bersama nasib
 ketandusan daun kasih, kautatapi matanya, diulitnya pergelanganmu terdengar
 suaramu jauh ke dalam, kutitip puteramu, hidangkan makanan hangat seperti
 aku dulu merapikan piring makanan malam ayahnya, bersama-sama mangkuk
 dan piring hiasan bunga china, ambilkan cintaku, genggam kasihnya, wahai menantu!

Wahai semangat yang pergi, mana setinggi memanggil kasih yang tak pulang
 masihkah hangat nasi di tungku, meja telah rapi, mangkuk dan piring dulu setia
 menanti ... bilakah puteramu tercinta, membuktikan
 kasihmu menyatu di wajah perempuan luka berabad itu ?

14 Julai 2002

Dewan Sastera, Oktober 2002

SIDANG RUH

Perlu' satu-satu diperhitungkan kembali
hari ini kita dewasa
tanpa Tuhan tanpa impian
kerana besuk mungkin terlalu lewat
bagi kiamat yang telah ditangguhkan

bukan aku sinis
kau jangan mengatheis
beritaku dari mereka yang lupa bagaimana untuk hidup
.....
nanti akan padamlah dengan sendirinya
lampu dari menara tinggi
kerana di bawahnya orang kian mabuk
dan Tuhan sudah mati

Kassim Ahmad
Kemarau di Lembah
1967 Pulau Pinang : Sinaran Bros., h. 73

....7/-

Kassim Ahmad

Matahari

Aku bukan seperti Wordsworth
penyair yang menulis tentang bunga daffodil
atau tentang Jambatan London
di hari pagi

Pernahkah kaufikir
bagaimana jika tiada matahari
bolehkah kau melihat
atau berpergian ke sana ke mari ?

Siapa yang jadikan matahari
untuk kau hidup dan lihat ?
tentulah Tuhan
jawabmu dan manusia segala.

Tapi alangkah aneh
lampu yang Tuhan beri padamu itu
tidak kaupakai
untuk menyuluh jalanmu dalam hutan kehidupan.

Bila aku kata
kau bebal atau bodoh
kaumarah
mengapa, wahai taulan ?

Alangkah baiknya
jika manusia kembali kepada kitab Allah
al-Quran, penyuluh jalan
daripada meraba dalam kegelapan ?

**Tg. Bunga, Pulau Pinang
14 Julai 1998.**

**Angan-Angan dengan Gurindam
Omar Mustaffa**

Bangkitlah bangkit!
mengapa tidur lama sangat?
di mana data mencari negeri yang sekaya negeri kita!
bangkitlah bangkit!
timah dimasak sudahlah hangat
mengapa dibiarkan bangsa lain mengambil bijih kita?
bangkitlah bangkit!
tidakkah ingin menjadi kaya dengan bangat?
mengapa dibiarkan bangsa lain bertanam getah di tanah kita?
bijih dan getah! bijih dan getah!
inilah jalan kekayaan yang tentu
Hasil negeri kita yang besar dapat di situ
bijih dan getah! bijih dan getah !
dari sebab itu bangkitlah bangkit!
janganlah asyik dengan berjoget
lihatlah kekayaan Loke Yew Chow Kit!
hartanya beribu bermillion ringgit
segeralah tuan jangan lengah
segera berbudi kepada tanah
kerana tanah baik budinya
lambat-laun usaha dan penat kita dibalasnya.

Utusan Melayu 18.1.1913

...9/-

Bangkitlah

Anak-anak yang sedang lena
bangkitlah
matahari sudah tinggi
di puncak gunung

Lihat jernihnya pagi ini
burung-burung berterbangan di udara
dan pepohon hijau merendang daunnya
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah
jangan sesal nanti
madu bumi yang kekeringan
isi laut kekosongan
dan perut belantara menjadi ladang

Anak-anak
esok apa yang kaumakan?
tanah atau batu atau debu?
kau mahu terus nangis
tanpa air mata?

Kalau tidak
bangkitlah
matahari belum lagi rembang
dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

Rejab F.I.
1969

